

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE  
BIN MOHD AKIN (HANG TUAH JAYA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perancangan Kementerian untuk memajukan dan merancakkan lagi industri kenaf yang sedang giat diusahakan di Melaka.

**JAWAPAN**

Industri berdasarkan fiber semula jadi khususnya kenaf semakin mendapat perhatian dan digunakan secara meluas sebagai bahan mentah alternatif dalam pelbagai segmen pembuatan. Dalam hal ini, tanaman kenaf mempunyai potensi besar untuk dikembangkan selaras dengan perkembangan globalisasi ekonomi dan kesedaran masyarakat dunia yang beralih kepada penggunaan produk yang lebih mapan dan mesra alam. Kementerian melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan sentiasa komited untuk mengembangkan dan merancakkan lagi industri kenaf di seluruh negara termasuk di Negeri Melaka.

Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan adalah Program Pembangunan Industri Kenaf dalam Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) di Jasin, Melaka. Projek ini melibatkan kerjasama strategik di antara LKTN bersama Pejabat Daerah dan Tanah Jasin, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Unit Perancangan Ekonomi Negeri Melaka (UPEN Melaka) dan Kolej Universiti Agrosains

Malaysia (UCAM). Tanah seluas 97 hektar telah dikenalpasti dan penilaian kebolehlaksanaan projek sedang diteliti bagi melaksanakan tanaman kenaf secara integrasi bersama tanaman kontan seperti jagung, padi dan sebagainya mengikut kesesuaian tanah. Di samping itu, projek ini akan turut melibatkan integrasi ternakan (haiwan ruminan, ikan, itik dan lain-lain). Projek ini bakal mewujudkan peluang pekerjaan baharu di samping menjana pendapatan tambahan kepada peserta serta ahli koperasi dan seterusnya meningkatkan ekonomi komuniti setempat.

Selain itu, LKTN juga turut membangunkan sebuah Pusat Pemprosesan Kenaf In-Situ (PPKI) di Kawasan Perindustrian Merlimau, Melaka di atas tanah seluas 1 ekar bagi menjalankan aktiviti pemprosesan kenaf. Tanah ini merupakan tanah pajakan Kerajaan Negeri Melaka selama 30 tahun bagi menjalankan aktiviti pengasingan *ribbon* dan *core* kenaf. Kedua-dua inisiatif ini dilaksanakan selaras dengan konsep pembangunan menyeluruh yang diaplikasikan oleh LKTN di sepanjang rantaian nilai industri meliputi sektor huluan, pertengahan dan hiliran agar agrikomoditi kenaf dapat dikembangkan dengan lebih pesat di Negeri Melaka bertujuan untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan dan antarabangsa seterusnya menjana ekonomi Negara.

Di samping itu, Kementerian meneruskan bantuan-bantuan penanaman dan pemprosesan kenaf seperti insentif tanaman kenaf melibatkan penyediaan input pertanian dan mekanisasi kepada pekebun kecil untuk merancakkan lagi industri kenaf di seluruh Negara termasuk di Melaka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @  
YUSRE BIN MOHD AKIN (HANG TUAH JAYA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan kenapa hanya para pelajar daripada dua sekolah sahaja yang dibekalkan peranti bagi tujuan pembelajaran dalam talian di dalam kawasan Parlimen Hang Tuah Jaya dan apakah kriteria yang digunakan untuk pemberian peranti ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Inisiatif Tabung CERDIK yang diluluskan dalam Belanjawan 2021 adalah satu inisiatif pemberian peranti digital lengkap dengan pelan data kepada 150,000 orang murid B40 yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. Tabung CERDIK merupakan satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

Yayasan Hasanah menguruskan sumbangan peranti digital dan pelan data daripada GLC dan GLIC serta menyelaras penghantaran peranti digital berkenaan ke pejabat pendidikan daerah (PPD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Peranti digital yang diterima oleh KPM akan terus diagihkan kepada murid B40 yang telah dikenal pasti. Semua 150,000 peranti digital di bawah inisiatif ini telah selesai diagihkan kepada murid B40 terpilih pada 29 Oktober 2021.

Penentuan bilangan peranti digital yang diagihkan kepada murid B40 dan pemilihan sekolah adalah berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan seperti berikut:

- i) murid B40 yang dikenal pasti di sekolah bawah KPM;
- ii) senarai sekolah rendah dan sekolah menengah disusun mengikut kedudukan bilangan murid B40 tertinggi bagi kohort Tahun Empat dan Tingkatan Tiga di setiap PPD;
- iii) pemilihan sekolah di setiap PPD dibuat dengan mengambil kira keseimbangan lokasi sekolah di kawasan bandar dan luar bandar serta mempunyai kemudahan capaian Internet dan bekalan elektrik di kawasan sekitarnya; dan
- iv) setiap murid B40 dalam kohort Tahun Empat di sekolah rendah dan kohort Tingkatan Tiga di sekolah menengah yang terpilih akan menerima peranti digital Tabung CERDIK.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengagihan peranti digital dibuat berdasarkan sekolah yang memenuhi kriteria di setiap PPD. Bagi Parlimen Hang Tuah Jaya, dua buah sekolah menepati kriteria tersebut mengikut susunan keutamaan yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH  
(SRI GADING)**

**SOALAN**

**DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam membangunkan semula pendidikan buat murid Orang Asli.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha meningkatkan kualiti pendidikan untuk murid Orang Asli dan peribumi. KPM melaksanakan Inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Pelbagai program telah dilaksanakan bawah Inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi. Antaranya, Program Intervensi Murid Orang Asli dan Peribumi (PIKAP). PIKAP melibatkan tiga mata pelajaran utama di Tahap I, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik yang mengandungi modul pembelajaran disesuaikan dengan konteks persekitaran untuk meningkatkan minat murid Orang Asli dan Peribumi kepada pembelajaran dan hadir ke sekolah.

Selain itu, KPM telah memperkenalkan Program Jom Belajar yang merangkumi Program Khas Murid Orang Asli (Prokhas) dan *Chup Badui Sikulah* (CBS) pada tahun 2020. Program ini bertujuan untuk menyediakan pendidikan asas serta memantapkan penguasaan kemahiran asas

membaca, menulis dan mengira (3M) kepada murid Orang Asli yang tidak pernah bersekolah.

KPM turut melaksanakan Kelas Dewasa Murid Orang Asli dan Peribumi (KEDAP) untuk meningkatkan tahap penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Program ini juga dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pendidikan dalam kalangan ibu bapa Orang Asli.

KPM juga telah menubuhkan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) yang melibatkan murid Tahun Satu sehingga ke Tingkatan Tiga di sekolah yang sama. Pada tahun 2008, sekolah K9 telah bermula di SK Bandar 2, Pekan, Pahang bertujuan untuk menangani isu keciciran murid sewaktu transisi dari Tahun Enam ke Tingkatan Satu. Sehingga kini, jumlah Sekolah K9 yang sedang beroperasi adalah sebanyak sembilan buah sekolah.

Menyedari penempatan yang jauh menjadi satu faktor yang menyebabkan murid Orang Asli tercincir dalam pendidikan, KPM telah menyediakan asrama di 45 buah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah yang mempunyai enrolmen 100% murid Orang Asli. Selain daripada itu, terdapat juga murid Orang Asli yang tinggal di asrama sekolah harian. Penyediaan asrama ini adalah untuk memudahkan murid Orang Asli hadir ke sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga mengambil pelbagai pendekatan melalui sesi libat urus dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), pelibatan ibu bapa, ketua komuniti dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta Tok Batin bagi memberikan kesedaran akan kepentingan pendidikan kepada masyarakat Orang Asli.

KPM sentiasa berusaha untuk menyediakan akses pendidikan berkualiti kepada semua murid termasuk murid Orang Asli.